

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS APRESIASI & PENYAMPAIAN SIJIL MS ISO/IEC/ 27001:2007 ISMS
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PADA HARI ISNIN, 22 APRIL 2013, PUKUL 8:00 PAGI
DI DEWAN BANKUET, BANGUNAN CANSELERI, UMP KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI

Saudara pengacara majlis;

Yang Berbahagia Encik Wan Rosdi Wan Dolah,

Ketua Perunding Teknikal ICT,

Unit Pemodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan (MAMPU),

Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berusaha Puan Lee Lay Kuan,

Ketua Seksyen Perkhidmatan, Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan,

SIRIM QAS International Sdn Bhd;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin,

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Haji Mustafa Ibrahim,

Pendaftar;

Encik Zainudin Othman,

Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,

Ketua Pustakawan;

Profesor Madya Dr Wan Maseri Wan Mohd,
Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat
Tanggungjawab;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita berpeluang untuk majlis pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, sukalah saya mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran para tetamu kita daripada MAMPU dan SIRIM QAS International, khususnya kepada Encik Wan Rosdi Wan Dolah dan Puan Lee Lay Kuan.

3. Walaupun dalam serba kesederhanaan, namun majlis ini mempunyai pengertian yang cukup signifikan kepada UMP. Dalam konteks pengukuhan kedudukan strategiknya sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam, keupayaan untuk menggarap sistem pengurusan berintegriti tinggi yang berasaskan teknologi meupakan satu pencapaian yang membanggakan UMP.

4. Maka, pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada warga Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) UMP yang terlibat secara langsung dalam Jawatankuasa ISMS atas khidmat, komitmen dan sumbangan cemerlang mereka hingga menghasilkan pencapaian ini.

5. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak MAMPU atas khidmat bimbingan yang telah diberikan, juga kepada Pasukan Auditor ISMS dari Kementerian Pengajian Tinggi dan SIRIM QAS International atas pemudahcaraan urusan dan perakuan mereka hingga membolehkan UMP menerima pensijilan ini.

MERAIH KEPERCAYAAN DARIPADA REPUTASI CEMERLANG

6. Tuan-tuan dan puan-puan,

Keupayaan untuk mewujudkan sistem pengurusan maklumat yang berintegriti dan berteknologi tinggi merupakan antara kriteria signifikan dalam menentukan aras kepercayaan pelanggan dan pemegang taruh terhadap Universiti ini.

7. Tidak lama dahulu, saya pernah membangkitkan mengenai kepentingan pengurusan sistem data dan maklumat universiti yang cekap dan berkesan. Dalam kecanggihan dunia hari ini, maka sudah tentulah kecekapan dan keberkesanan tersebut dapat dicapai hasil serapan aplikasi teknologi secara optimum dalam sistem pengurusan kita.
8. Perkembangan kini tidak memungkinkan lagi kita untuk seratus peratus bergantung kepada kaedah penyimpanan dan pengurusan maklumat secara tradisional dan konvensional tanpa sokongan aplikasi teknologi yang berintegriti.
9. Keupayaan untuk menyerap aplikasi teknologi tersebut merupakan katalis produktiviti institusi yang menyumbang pula dengan amat signifikan kepada daya saing dan prestasi. Ini merupakan sebahagian daripada tuntutan transformasi perkhidmatan yang dihasratkan kerajaan untuk mewujudkan sistem penyampaian cemerlang, cekap dan berkesan.

10. Maka saya amat sukacita kerana pihak PTMK telah memperlihatkan komitmen yang tinggi untuk memantapkan lagi keupayaan UMP dalam hal ini. Justeru, pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007 (*Information Security Management System – ISMS*) yang diraih ini secara tidak langsung merupakan sumbangan UMP dalam mengisi agenda transformasi Kerajaan.
11. Pencapaian ini pastinya terhasil daripada usaha yang panjang dan terancang. Saya difahamkan bahawa inisiatif ke arah pensijilan ini telah dirintis pihak PTMK sejak bulan Februari 2012 lagi. Inisiatif yang tercetus daripada Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU pada 24 November 2010 mengenai keperluan pensijilan ini akhirnya membuahkan hasil.
12. Maka, saya amat berterima kasih kepada pihak MAMPU dan KPT atas bantuan yang telah diberikan kepada UMP untuk mengenal pasti skop pensijilan ISMS 27001 ini. Pensijilan bagi skop Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat bagi operasi dan penyelenggaraan Pusat Data di UMP Kampus Gambang membolehkan tahap keselamatannya dipastikan pada tahap terbaik sepanjang masa.

KATA PENUTUP

13. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sesungguhnya perjalanan UMP ke arah kecemerlangan masih panjang dan menuntut pengorbanan dan khidmat ikhlas para warganya. Dengan dipacu oleh Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan hala tuju yang terarah di setiap Pusat Tanggungjawab, saya yakin bahawa aspirasi ini tidak mustahil untuk direalisasikan.

14. Justeru, kegigihan yang telah ditunjukkan oleh pasukan ISMS PTMK ini sepatutnya teladan dan inspirasi kepada warga UMP yang lain. Maka amat wajarlah bagi kita memberikan penghargaan dan pujian yang tinggi atas komitmen cemerlang ini.

15. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, bantuan dan kerjasama yang membolehkan UMP meraih pensijilan ISMS 27001:2007 pada hari ini. Semoga usaha ini terus konsisten dilestari dengan berkat naungan peliharaan daripada Allah Ta'ala, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.